

23/10/2003

Pas puji sidang OIC

KEJAYAAN Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, baru-baru ini, turut mendapat pujian dan ucapan tahniah daripada ahli dewan, termasuk wakil pembangkang, Datuk Kamaruddin Jaafar (Pas-Tumpat) yang memuji dan menyokong pendirian tegas kerajaan dalam isu Iraq.

Ketika bertanyakan soalan kepada Menteri Luar mengenai bila kedutaan Malaysia akan dibuka semula di Baghdad, Kamaruddin turut mengucapkan tahniah kepada kementerian berkenaan di atas kejayaan negara menganjurkan OIC.

Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) yang turut bertanya soalan tambahan bagi isu sama menyifatkan kejayaan kerajaan dan Kementerian Luar menganjurkan OIC ke-10 sebagai satu kejayaan luar biasa, terutama pada saat-saat akhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hendak bersara sebagai Perdana Menteri.